

U.M. - 9 MAR 1972

RAMAI tokoh2 politik tanah ayer hari ini telah mengalu2kan kemasokan sa-mula bekas ahli Majlis Tertinggi UMNO Doktor Mahathir Mohammad kadalam parti itu.

Turut serta mengalu2kan kemasokan sa-mula Doktor Mahathir dalam Parti UMNO ia-lah sa-orang anggota pembangkang dan sa-orang anggota Parti Perikatan.

Pengerusi Parti Keadilan Masyarakat atau PEKEMAS Doktor Tan Chee Khoo menyatakan bahawa kemasokan sa-mula Doktor Mahathir kadalam UMNO ada-lah merupakan satu tindakan bijak dan sesuai pada masa ini. "Ada-lah lebeh baik untuk beliau menyertai parti itu sa-mula dari menghabiskan masa di-atas pagar sahaja," ujar beliau.

Dinamik

Setiausaha Agong MCA, Enche' Kam Woon Wah ketika mengalu2kan kemasokan itu berpendapat bahawa ia-nya akan mengukuhkan lagi UMNO dan Perikatan seluruh-nya.

Kalangan UMNO pula mensifatkan keputusan Jawatankuasa Disiplin UMNO Malaysia menerima sa-mula Doktor Mahathir menjadi ahli UMNO sabagai satu langkah bijak dan adil.

Mereka berpendapat bahawa kemasokan beliau kadalam parti itu akan memambah lagi tenaga pemimpin yang dinamik ang sangat2 di-kehendaki ada masa ini.

Bekas sa-orang ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir telah dipechat dari parti itu dalam bulan September 1969 lalu.

Beliau telah memohon untuk memasoki sa-mula parti tersebut dalam suratnya kepada Presiden UMNO Tun Abdul Razak pada 6 Februari lalu.

Jawatankuasa disiplin parti yang di-pengruskan oleh Timbalan Presiden UMNO Tun Doktor Ismail dalam persidangan-nya petang semalam telah meluluskan permohonan Doktor Mahathir itu.

Sa-orang tokoh terkemuka UMNO Tan Sri Syed Nasser Ismail ketika di-hubongi hari ini menyatakan bahawa beliau tidak nampak mengapa Doktor Mahathir tidak boleh di-terima sa-mula menjadi ahli parti itu.

Kata-nya, keyakinan dan keperchayaan Doktor Mahathir terhadap puchok pimpinan UMNO pada ma-

sa lampun tidak boleh di-jadikan ukoran di-masa sekarang.

Apa yang penting ia-lah bahawa beliau menaruh keperchayaan kepada puchok pimpinan parti itu yang ujud sekarang ini, tegas-nya.

Setiausaha UMNO Perak Haji Ramli Omar memberitahu bahawa kemasokan sa-mula Doktor Mahathir dalam parti itu akan memberi nafas yang lebeh dinamik kepada UMNO seluruh-nya dalam usaha menggerak jentera-nya yang lebeh progresif.

UMNO, kata beliau memerlukan ahli2 yang berkalibar untuk bergerak chergas dalam lapangan politik di-negara ini.

Ketua UMNO Bahagian Ipoh Enche' Ismail Majid pula menyatakan kemunchulan sa-mula Doktor Mahathir kadalam parti itu akan merupakan chontoh kepada kaum2 intelek lain supaya menyertai UMNO demi untuk kepentingan rakyat dan negara seluruh-nya.

Memberi Besar Kedah, Dato' Syed Ahmad Shaha-buddin ketika mengalu2kan kemasokan tersebut menyatakan dengan tambahan tenaga dinamik dalam UMNO ia-nya juga akan merupakan keutuhan negara yang di-chintai.

Menurut beliau, tenaga pimpinan yang dinamik dalam UMNO sekarang ini bukan saja untuk UMNO Kedah dan Malaysia seluruh-nya tetapi untuk keutuhan negara ini.

Beliau berharap Doktor Mahathir akan memberi perkhidmatan yang sesuai dengan hasrat kerajaan bagi meninggikan taraf hidup rakyat di-negara ini.

Timbalan Ketua Pemuda UMNO Negeri merangkap Setiausaha Perikatan Johor Bharu Barat Enche' Yunus Sulaiman mensifatkan kemasokan sa-mula Doktor Mahathir kapangkuatan parti itu akan mengukuhkan lagi kedudukan parti itu di-masa akan datang.

Setiausaha UMNO Bahagian Johor Bharu Timor Enche' Jaafar Hamzah dan Setiausaha UMNO Chawangan Bukit Chagar Enche' Yusoff Arshad berpendapat bahawa kemasokan Doktor Mahathir itu akan memberi perangsang kepada seluruh ahli2 UMNO untuk berjuang bagi faedah bangsa dan negara.

Turut mengalu2kan kemasokan tersebut ia-lah UMNO Bahagian Telok Anson, Bagan Datoh dan Hilir Perak.

UMNO Bahagian Melaka turut mengalu2kan Doktor Mahathir masuk sa-mula kadalam parti itu. "UMNO maseh memerlukan fikir-an2 dan pandangan2 yang luas dan berfaedah yang dapat di-sumbangkan oleh beliau," kata-nya.

Harapan

Ketua Penerangan UMNO Bahagian Rawang Enche' Usuluddin Jamil menyatakan keputusan Doktor Mahathir untuk menjadi ahli UMNO Bahagian Kota Setar tidak mengechewakan bahagian-nya.

Doktor Mahathir juga ada membuat permohonan untuk menjadi ahli UMNO Bahagian Rawang.

Enche' Usuluddin berpendapat bahawa sa-bagai sa-orang pejuang perkhidmatan Dr. Mahathir tidaklah terhad pada satu2 chawangan atau bahagian saja tetapi untuk kepentingan parti dan negara keseluruhan-nya.

Sementara itu Enche' Mustapha Hussein Anggota Bebas tunggal Dewan Negeri Kawasan Gelugor pula ketika di-hubongi hari ini telah mensifatkan Doktor Mahathir akan membawa harapan cherah kepada parti tersebut di-masa depan.

Menurut Enche' Mustapha, masa depan UMNO bergantung kepada 3 orang tokoh UMNO ia-itu Dato' Harun, Enche' Musa Hitam dan Doktor Mahathir sendiri.